

## CYCLOPHOSPHAMIDE

### A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- ✚ Ubat ini digunakan untuk merawat penyakit kanser dan penyakit auto imun yang menyerang organ badan seperti buah pinggang.



### B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak dengan memperlambatkan atau menghentikan pertumbuhan sel-sel kanser.
- ✚ Ia juga menekan aktiviti sistem imun (pertahanan badan) agar tidak menghasilkan antibodi yang boleh menyerang organ badan.

### C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

#### A. CARA MAKAN

- ✚ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- ✚ Ubat ini boleh dimakan sebelum atau selepas makan.
- ✚ Ubat ini mesti diambil pada waktu pagi dan pastikan mengambil air yang banyak sepanjang tempoh rawatan.
- ✚ Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama.
- ✚ Basuh tangan anda selepas mengambil ubat ini.



#### B. JIKA TERLUPA

- ✚ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gantikan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.

### D. PERINGATAN !!!

#### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mempunyai sejarah penyakit jantung, buah pinggang dan hati
- ✚ Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- ✚ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

#### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: sesak nafas)
- ✚ Didapati hamil dan memberi susu badan
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



# AMARAN !!

SEKIRANYA  
TANDA-  
TANDA INI  
BERLARUTAN  
SILA  
RUJUK  
DOKTOR

## E. KESAN SAMPING UBAT

- ✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
  - Keletihan
  - Muntah
  - Loya
- ✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
  - Sakit kepala
  - Sesak nafas
  - Sakit otot
  - Lebam pada tangan atau kaki.

### Rujukan:

- Up to Date
- Medscape
- Rxlist.com
- WebMD.com

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---